

**TEKS UCAPAN
Y.BRS. PROF. Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

**BENGKEL PENSTRUKTURAN SEMULA
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

*14 November 2022 (Isnin),
Dewan Auditorium FKP, 3:00 petang*

SALUTASI

-Seperti di lampiran

1. Alhamdulillah, setinggi-tingginya kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah Subbahanahu Wataala, di atas segala rahmat dan 'inayahNya jua, kita dapat berhimpun dan bertemu dalam Bengkel Penstrukturan Semula Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan, UTeM.
2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima

kasih kepada pihak urusetia yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di atas usaha bagi penganjuran bengkel pada hari ini.

3. Kerjasama daripada semua ahli bengkel juga adalah sangat dihargai dan saya ucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen anda semua. Diharapkan dengan kehadiran dan idea-idea serta pandangan daripada semua peserta hari ini akan dapat memastikan agenda penstrukturan semula fakulti kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan yang akan

dibincangkan di dalam bengkel ini berjaya dan dapat berjalan dengan lancar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Seperti yang kita sedia maklum, UTeM mempunyai 4 fakulti kejuruteraan dan 2 fakulti teknologi kejuruteraan. Secara asasnya kesemua fakulti ini mempunyai komponen yang berbeza tetapi bertunjangkan satu bidang yang sama iaitu kejuruteraan. UTeM telah mengamalkan satu sistem yang memisahkan pentadbiran dan pengurusan setiap fakulti ini sejak sekian lama di atas faktor-faktor yang tertentu.

5. Walaubagaimanapun, melihat semula kepada kelebihan dan kekurangan apabila setiap fakulti ini ditadbir dan diuruskan oleh pengurusan yang berbeza, saya merasakan sudah tiba masanya untuk kita cuba melihat kelebihan yang akan dapat diperoleh sekiranya fakulti-fakulti ini distrukturkan semula dan digabungkan. Atas sebab tersebutlah, bengkel ini dianjurkan untuk mendengar pendapat dan juga idea-idea daripada anda semua berkenaan dengan perkara ini.
6. Peserta-peserta yang dijemput hari ini saya percaya terdiri daripada Dekan-Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, wakil-wakil dari Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari, Pejabat

Pengurusan Fasiliti, Pejabat Pengurusan Pembangunan, Pejabat Penasihat Undang-Undang dan lain-lain lagi.

7. Agenda penstrukturan semula fakulti kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan ini merupakan satu agenda yang besar dan melibatkan pelbagai implikasi. Oleh yang demikian, input daripada anda semua di bengkel ini adalah sangat penting bagi memastikan agenda ini dapat berjalan dengan lancar.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

8. Saya telah menjalankan kunjung hormat di beberapa buah Universiti Awam di sekitar Pantai Timur dan juga Utara. Antara Universiti yang terlibat adalah rakan MTUN kita iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan juga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).
9. UMP merupakan antara universiti yang telah melakukan penstrukturan fakulti kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan dengan menggabungkan fakulti-fakulti tersebut di bawah pentadbiran yang diberi nama Kolej Kejuruteraan dan Kolej

Teknologi Kejuruteraan. Kolej Kejuruteraan mengandungi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Fakulti Kejuruteraan Kimia. Kolej Teknologi Kejuruteraan pula mengandungi 5 fakulti teknologi kejuruteraan.

10. Dimaklumkan penggabungan ini adalah lebih efektif dan memastikan pengurusan yang lebih efisien dari segi sumber manusia, kewangan, penggunaan ruang dan lain-lain lagi. Ini juga menyumbang terhadap akreditasi UMP seterusnya

menempatkan UMP di QS World Ranking dan Times Higher Education Ranking.

11. Oleh yang demikian, saya berharap bahawa bengkel ini akan dapat melihat semula pelaksanaan agenda ini seterusnya menjadi penyumbang terhadap kemajuan UTeM di masa akan datang.
12. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak urusetia di atas penganjuran bengkel ini dan juga kepada semua semua peserta di atas komitmen yang diberikan.

Manis cempedak penuh berisi,
Di makan oleh si anak nyonya;
Bersatu UTeM memecah tradisi,
Masyur gemilang di persada dunia.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.*
Terima kasih.

